

D214

R B060 DEB
GOPENG - MAHATHIR

PETALING JAYA, 17 MEI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI MENYIFATKAN KEJAYAAN BARISAN NASIONAL PADA PILIHAN RAYA KECIL PARLIMEN KAWASAN GOPENG SEMALAM MEMBUKTIKAN RAKYAT SEKALI LAGI MENYOKONG DAN MELETAKKAN KEPERCAYAAN KEPADA BN UNTUK MENTADBIR NEGARA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DALAM KENYATAAN AKHBARNYA HARI INI BERKATA KEMENANGAN BN ITU JUGA MENUNJUKKAN RAKYAT MAHUKAN SEBUAH PARTI POLITIK DAN KERAJAAN YANG BOLEH MEMBAWA PERPADUAN DAN KEMAJUAN.

RAKYAT JUGA JELAS MENOLAK CARA-CARA YANG TIDAK SOPAN DALAM POLITIK MALAYSIA, TEGAS BELIAU YANG JUGA PENERUSI BN.

BELIAU MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA CALON BN, DR. TING CHEW PEH ATAS KEMENANGANNYA DAN PARA PEKERJA BN KERANA MENENTUKAN KEJAYAAN ITU.

PADA PILIHAN RAYA ITU, DR TING MEMPEROLEH 12,619 UNDI (MAJORITI 4,523 UNDI) UNTUK MENGALAHKAN CALON DAP ENCIK AHMAD NOR (8,096 UNDI) DAN CALON BEBAS ENCIK TAN KEE CHYE (103 UNDI). -- LAGI
1152MST 17 05 87

D220

U B061 DEB
GOPENG - MAHATHIR 2 PETALING JAYA

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA PARA PENGUNDI PILIHAN RAYA GOPENG KERANA TELAH SEKALI LAGI MEMILIH CALON BN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI ENCIK GHAFAR BABA PULA MEMBERITAHU BERNAMA BAHAWA KEMENANGAN DR TING ITU MENUNJUKKAN KEPERCAYAAN RAKYAT TERHADAP PUCUK PIMPINAN NEGARA DI BAWAH DATUK SERI DR MAHATHIR.

BELIAU YANG BERPUAS HATI DENGAN KERJASAMA KOMPONEN-KOMPONEN BN BERKATA RAKYAT SUDAH CUKUP MATANG UNTUK MEMILIH PARTI DEMI KESELAMATAN DAN KESTABILAN NEGARA.

SAMBIL MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA BN NEGERI PERAK DI BAWAH PIMPINAN MENTERI BESAR DATUK SERI RAMLI NGAH TALIB, ENCIK GHAFAR BERKATA BN AKAN TERUS BEKERJA UNTUK KEPENTINGAN RAKYAT DAN NEGARA.

SELAIN ITU, BELIAU MENEGASKAN BAHAWA USAHA AKAN TERUS DILAKUKAN BAGI MEMPERKUKUKKAN KERJASAMA DI KALANGAN KOMPONEN BN SEMENTARA PERPADUAN DI KALANGAN RAKYAT DIBINA TERUS-MENERUS. - BERNAMA.

1215MST 17 05 87